



## 1050 SUDUT PANDANG ILMU QIRAAT BERDASARKAN KITAB LATHOIFU AL-ISYARAT LIFUNUNI AL-QIRAAT : SATU ANALISIS

MUHAMMAD ZAID BIN SHAMSHUL KAMAR

*muhammadzaid@kuis.edu.my*

MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD

*mohamadredha@kuis.edu.my*

MOHD ASRI BIN ISHAK

*asri@kuis.edu.my*

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Pengajian ilmu Qiraat di Malaysia dilihat semakin berkembang dari semasa ke semasa. Hal ini berlaku kerana kesedaran manusia pada hari ini berkenaan kepentingan pengetahuan ilmu Qiraat semakin baik. Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi pengenalan berkenaan sebuah kitab Qiraat yang berjudul Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat yang penting bagi seseorang untuk mendalami ilmu Qiraat. Kitab ini membincangkan berkenaan keseniaan ilmu Qiraat dan mengupas kepenggunaan ilmu Qiraat dalam penafsiran sesebuah tafsir al-Quran dan mazhab ulama. Kajian ini adalah berbentuk kepustakaan yang bersifat kualitatif dan persejarahan pembacaan riwayat-riwayat masyhur yang mutawattir. Hasil kajian adalah untuk memaklumkan kepada masyarakat berkenaan pengetahuan seni ilmu Qiraat serta periyawatan imam Qiraat yang sah dan tepat. Oleh itu, pengajaran dan pengamalan ilmu Qiraat itu seharusnya dikekalkan demi memastikan kelestarian dan kestabilan ilmu berkaitan al-Quran kekal.*

**Kata kunci:** *Seni, Qiraat, al-Quran*

### PENDAHULUAN

Qiraat merupakan ilmu pembacaan al-Quran melalui kaedah pembacaan yang berbeza-beza. Perbezaan pembacaan Qiraat ini dinamakan sebagai khilaf oleh para ulama (Uthman 1987). Terdapat ribuan kitab berkenaan khilaf Qiraat atau yang seumpamanya dihasilkan oleh para ulama dari zaman dahulu hingga sekarang. Sebahagian dari kitab-kitab tersebut terangkum sehingga berpuluh-puluh jilid untuk memudahkan manusia yang terkemudian untuk mengambil faedah darinya.



Usaha ini turut melibatkan seorang ulama besar yang hidup pada kurun ke-9 Hijriah. Beliau adalah Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakar al-Qostollani. Antara penulisan beliau adalah Kitab Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat iaitu antara kitab yang membincangkan tentang ilmu Qiraat secara terperinci. Penulisan ini antara lain akan membincangkan mengenai keilmuan penulis kitab serta perincian kitab tulisannya.

## LATAR BELAKANG PENULIS

Beliau adalah Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakar bin Abdul Muluk Bin Az-Zein Ahmad bin Al-Jamal Muhammad bin As-Sofi Muhammad bin Al-Majid Hussin bin Al-Taj Ali bin Maimun Al-Qostollani Al-Misri, Al-Kohiri, Al-Qutaibi, As-Syafei (Ibn al-Imad T.t). Beliau dinisbahkan kepada Al-Qostollani iaitu wilayah Andalus yang beriklim Afrika. Gelaran beliau adalah Abu Al-Abbas dan nama panggilan beliau adalah Al-Hafiz Syihabuddin (Yusuf Ilyan 1988).

Beliau dilahirkan di Kaherah, Mesir pada tanggal 12 Zulkaedah 851H bersamaan 1448M. Beliau mempunyai pembacaan yang baik untuk al-Quran, Hadith serta pidato selain dianugerahkan suara yang lunak dan merdu. Beliau juga seorang yang alim dalam bidang Hadith dan merupakan antara Muhadith pada zamannya. Beliau merupakan seorang ahli sufi dan berpegang dengan mazhab Imam Malik dalam ilmu kesufian. Mazhab Asya'ri pula merupakan mazhab akidah pegangan beliau (Walid 2003). Dalam mazhab fekah, beliau berpegang dengan mazhab Imam Syafei. Pada awal kemunculannya di Kaherah, beliau telah menghafaz al-Quran, matan as-Syatibiyyah untuk Qiraat Sughra dan al-Aqilah dalam ilmu Rasm, setengah matan Thoyyibah untuk Qiraat Kubra, matan-matan ilmu nahu, saraf, fiqh dan sebagainya.

Antara guru-guru Qiraat beliau ialah Ahmad bin Asad bin Abdul Wahid bin Ahmad (872H), Ahmad bin Abdul Qodir bin Muhammad bin Thorif (884H), Abdul Daim bin Ali (870H), Abdul Ghani bin Yusuf bin Ahmad bin Murthado (886H), Umar bin Qosim bin Muhammad (900/938H), Umar bin Muhammad bin Muhammad (885H) dan ramai lagi. Dengan keilmuan yang dimiliki, Sheikh Ahmad bin Muhammad al-Qostollani turut melahirkan ramai ulama. Antaranya adalah Ibrahim bin Hassan bin Abdul Rahman bin Muhammad (954H), Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad (953H), Abu al-Mawahib Abdul Wahab bin Ahmad as-Sya'rani (973H), Syamsuddin bin Muhammad al-Qoisuni (931H), Abdul Rahman bin Yusuf bin al-Ajhuri (selepas tahun 960H), Abdul Aziz bin Fahd (921H) dan ramai lagi (Shamsuddin as-Sakhawi T.t, Al-Qostollani T.t).

Sheikh Ahmad bin Muhammad al-Qostollani juga banyak menghasilkan kitab-kitab yang menjadi rujukan pada hari ini (Ismail Basha 1955). Antaranya;

Bidang al-Qiraat al-Quraniyyah wa Tajwid ;

1. Al-Fath al-Dani min Kanzu Hirzu al-Amani (syarah manzumah Imam Syatibi)
2. Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat (ditahqiq oleh Dr Abdul Sobur Syahin dan Sheikh Amir as-Sayyid Usman, 1972M)
3. Nasyr an-Nasyr fi al-Qiraat al-A'syara (Syarah Nasyr fi al-Qiraat al-A'syara)
4. Syarah Thoyyibah an-Nasyr dalam Qiraat Asyara



### 5. Al-Waqf wa al-Ibtida'

Bidang Hadith dan ilmunya :

1. Irsyad as-Saari Li Syarah Sohih al-Bukhori
2. Tuhfatu as-Sami' wa al-Qori bi Khotmi Sohih al-Bukhori
3. Ikhtisor Irsyad as-Saari
4. Ad-Dhirori fi Tartib Abwab Sohih al-Bukhori
5. Minhaj al-Ibtihaj Syarah Muslim bin Hajjaj

Bidang Sirah Nabawi :

1. Hasyiah 'ala Syafa lil Qodhi 'Iyodh
2. Masyariqu al-Anwar al-Madhiah fi Madh Khoiru al-Bariyyah
3. Hasyiah 'ala Syamail an-Nabawiyyah lil Tirmizi

Bidang Fekah:

1. Al-Isaad fi Talkhis al-Irsyad
2. Mudarik al-Muram fi Masalik as-Siom
3. Marosidi as-Solat fi Maqosid as-Solah

## PEMBELAJARAN KITAB

Kitab Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat merupakan syarah kepada kitab an-Nasyr yang diguna oleh cendekiawan Islam untuk mendalami ilmu Qiraat. Kitab ini turut membincangkan cabang ilmu Qiraat sehingga kepada tahap thuruq Qiraat yang mutawattir serta menjelaskan wajah-wajah bacaan Qiraat secara terperinci. Selain itu, kitab ini turut menghimpunkan ilmu-ilmu al-Quran yang berkait dengan ilmu Qiraat (farsyh dan usul) seperti fadhilat al-Quran, penggunaan thoriq Qiraat semasa, penjelasan mengenai ilmu Tajwid, peringatan mengenai usul ilmu-ilmu khilaf dari Rasm Mushaf dan bilangan ayat dan waqaf, ibtida dan pembacaan, usul ilmu-ilmu tersebut mengikut tertib mushaf bermula dari surah al-Fatiyah sehingga an-Naas, membincangkan mengenai Qiraat yang berbeza satu persatu dan banyak lagi (Al-Qostollani T.t).

## MANHAJ PENULIS DAN JALANNYA DALAM PENULISAN KITAB

Penulis membahagikan penulisannya kepada dua bahagian. Pertama wasilah penulisan dan kedua pengkaedahan. Wasilah penulisan adalah melibatkan bahagian awal penulisan kitab. Ianya antara lain menerangkan fadhilat al-Quran seperti yang disebut di dalam kitab al-Nasyr, Fasl al-Maani dan penjelasan khilaf dari kitab-kitab hadith dan syarahnya. Selain itu, kitab ini turut menjelaskan mengenai makna tujuh huruf mengikut pandangan ulama dan syarah dalam kitab al-Nasyr dan periwayatan hadith.

Kitab ini turut membincangkan tentang kitab Qiraat yang digunakan dan sanadnya sehingga Imam Ibn al-Jazari serta ditambah padanya kitab yang tidak disebut oleh Imam Ibn al-Jazari untuk menjadi lebih teliti perbahasannya. Selain itu, ia turut menjelaskan mengenai toriq yang berbeza untuk semua pembacaan seperti dalam kitab an-Nasyr serta menjelaskan thoriq dan



pecahannya. Di samping itu, turut dibincang di dalam kitab ini ialah usul ilmu yang diingatkan dalam penulisan ini secara terperinci sehingga sekiranya sampai pada tempat di dalam surah yang mempunyai wajah khas, maka akan dibincangkan juga mengenai hukum Tajwid, makharaj huruf dan sifat secara teperinci, usul bilangan ayat, usul ilmu waqaf dan ibtida dan usul Rasm Utsmani.

Pembahagian kedua adalah mengenai pengkaedahan yang terbahagi kepada dua iaitu usul Qiraat dan farasyh huruf. Usul Qiraat adalah banyak menurut kepada penjelasan al-Nasyr tetapi lebih teratur penyusunannya, mengabungkan yang dicerakin dan menjelaskan wajah Qiraat. Adapun farasyh huruf adalah teras utama kitab. Ia menyebut tentang surah-surah dalam al-Quran dari surah al-Fatiyah sehingga surah an-Naas, mengupas mengenai nama-nama surah dan fadhilatnya di dalam pembahagian surah Makki atau Madani, perbezaan pendapat tentang bilangan ayat, perbincangan mengenai akhir kalimah di dalam setiap surah, kemudian menerangkan perbezaan Qiraat setiap kalimah, menjelaskan Rasm mushaf dalam kalimah-kalimah surah, diikuti perbincangan tentang waqf dan ibtida bukan sekadar ayat, bahkan kalimah, memperhalusi setiap rubu' dan juz sehingga tamat pada bab Ahkam at-Takbir (Al-Qostollani T.t).

## **MANHAJ DALAM MERUJUK KALIMAH USUL DAN FARASYH, SERTA ILMU YANG DINYATAKAN DALAM SETIAP SURAH**

Rujukan kalimah adalah bersandarkan kepada tajuk dan bab-bab usul atau farasyh, dan permasalahan usul lazimnya diguna pada kebanyakkan tempat di dalam al-Quran. Adapun kalimah yang khilaf dari aspek farasyh maka akan dijelaskan permasalahannya dari sudut khilaf penggunaan kalimah, pembacaan dan i'rab.

Penulis turut menerangkan tentang manhaj ilmu yang dinyatakan dalam setiap surah dengan bilangan hurufnya serta kalimahnya. Penulis turut menjelaskan tentang ayat-ayat yang dikira oleh Abdul Wahid bin Shaitha dalam kitab al-Mufrad dan al-Ja'bari dalam kitab al-Madad bifanni al-A'dad serta ditamatkan dengan penulisan Rasm Utsmani serta membincangkan tentang faedah pembahagian dari segi rubu', al-Ansof dan al-Ahzab. Selain itu, penulis turut menyatakan nama surah, kemudian pembahagian Makki dan Madani serta pencerahan periyawatannya, menerangkan Qiraat pada surah dan menjelaskannya, menyatakan kalimah seerti untuk ayat mujmal (yang mempunyai banyak makna), kemudian disebutkan mengenai waqaf dan ibtida serta diakhiri dengan empat surah (Al-Qostollani T.t).

## **MANHAJ RUMUSAN PENULISAN KALIMAH FARASYH**

Penulis menyatakan bahawa sekiranya khilaf pada kalimah farasyh pada tempat awal, maka dimulakan di hadapan ayat dengan "... وَخَتَّلَ فِي ..." kemudian dinyatakan khilaf yang dimulakan dengan tujuh Qiraat dan tiga Qiraat, kemudian akan dijelaskan Qiraat tersebut. Selain itu, sekiranya khilaf dari Qiraat yang selain sepuluh atau Qiraat empat (syaz) maka akan dimulai



kalimah hadapan dengan "..عَنْ" kemudian dinyatakan khilaf padanya dan penjelasan berkenaan Qiraat tersebut. Selain itu, sekiranya terdapat kalimah yang berulang dengan yang sebelumnya, maka akan dimulai dengan "... قَرَأَ" untuk kalimah farasyh dan "... أَمَالُ أَوْ أَدْغَمُ أَوْ بَدْلُ..." untuk kalimah dari bab usul (Al-Qostollani T.t).

## **PEMERHATIAN UMUM TENTANG MANHAJ PENULIS**

Penulis berpegang dengan pegangan Qiraat sepuluh mutawattir dalam kitab al-Nasyr Imam Ibn al-Jazari serta kitab-kitab Qiraat yang berkaitan dengan Imam Ibn al-Jazari. Selain itu, penulis dilihat sangat berhati-hati dengan penjelasan berkaitan Qiraat. Penulis hanya mengulas dan menjelaskan perkara yang mempunyai sandaran dan tidak menulis tentang perkara yang samar atau tiada sandaran dan tidak menambah apa-apa dari sandarannya walau satu perkara. Penulis juga merupakan seorang yang sangat berkemahiran dan teliti serta mengetahui perkara yang dihendaki oleh pembaca dan memudahkan pembaca untuk membaca dan memahami karyanya. Penulis seorang yang berpegang dengan akidah Asya'ri (Walid 2003) dan perkara ini dizahirkan di dalam penulisannya mengenai penafsiran sifat Allah.

## **SUMBER KITAB PEGANGAN PENULIS**

Penulis sangat berhati-hati dan teliti dalam menulis kitab tersebut. Pemilihan kitab untuk digunakan sebagai bahan rujukan juga adalah sangat cermat. Kebanyakkan rujukan penulis adalah kitab-kitab yang masyhur dan sangat berkualiti. Penulis juga membahagikan rujukannya kepada beberapa jenis seperti sumber rujukan ilmu Qiraat, waqaf dan ibtida, ilmu Rasm, ilmu Fawasil (bilangan ayat), Tajwid dan muqaddimah kitab.

### **Sumber dari kitab Qiraat : Sumber dari Qiraat Sepuluh**

1. Kitab an-Nasyr fii al-Qiraat al-'Asyar – Imam Ibn al-Jazari – Kitab yang menjadi rujukan utama penulis
2. An-Nujum az-Zahirah fii Sab'ah al-Mutawattirah – Abi Abdullah Muhammad bin Sulaiman al-Hukri (781H)
3. Huuzi al-Maani mukhtasar Hurzi al-Amani – Ibn Malik (672H)

### **Sumber dari kitab Qiraat Empat tambahan kepada sepuluh**

1. Mufradah Ibn Muhaison li al-Ahwazi – ditahqiq oleh Dr Umar Hamdan
2. Mufradah al-Hasan al-Basri li al-Ahwazi – ditahqiq oleh Dr Umar Hamdan
3. Al-Mubhaj fii al-Qiraat al-Asyar

### **Sumber dari kitab Qiraat Usul dan Farasyh**

1. Idoh ar-Rumuz wa miftahu al-Kunuz fii al-Qiraat al-'Arba' al-Asyara – Syamsuddin Muhammad bin Kholil al-Qobakibi (849H)
2. Mustolah al-Isyarat fii al-Qiraat az-Zawaaid al-Marwiyyah 'an as-Saqat – Ibn al-Qosoh – ditahqiq oleh Dr Athiyyah al-Wahibi



### Sumber dari kitab Taujih Qiraat

1. Ad-Daar al-Masuun fii ulum al-Kitab al-Maknun – Ahmad bin Yusuf as-Samin al-Hilbi (756H)
2. Al-Bahr al-Muhidh – Abi Hayyan (754H)
3. Anwar at-Tanzil wa asrar at-Takwil – al-Allamah Nasiruddin al-Baidhowi (791H)
4. Kanzu al-Amani syarah Hirzu al-Amani – Abu Ishak Ibrahim al-Ja’bari (732H)
5. Kanzu al-Amani syarah Hirzu al-Amani – Abi Abdullah Muhammad al-makruf bi as-Sya’lihi
6. Ibraz al-Ma’ani syarah Hirzu al-Amani – Abi Syammah al-Muqaddasi (665H)
7. Al-Laalai al-Faridah fii syarah al-Qosidah – Abi Abdullah al-Faasi (656H) – ditahqiq oleh Sheikh Abdul Razak Musa Bidar ar-Rusyd

### Sumber dari kitab Waqaf dan Ibtida

1. Idoh al-Waqf wa al-Ibtida – Ibn al-Anbari (328H) -ditahqiq oleh Muhyiddin Ramadhan
2. Al-Muktafa fii al-Waqf wa al-Ibtida – Abi Amru ad-Dani (444H) – ditahqiq oleh Yusuf al-Mar’asyali
3. Al-Mursyid fii al-Waqf wa al-Ibtida – Abi Muhammad al-Hasan bin Ali al-Ammari (500H)

### Sumber dari kitab Rasm

1. Jamilah Arbab al-Marasid fii Syarh ‘Aqilah Atrob al-Qosoid – Abi Ishak al-Ja’bari
2. Al-Wasilah Syarh al-A’qilah – Maula al-Idrisi

### Sumber dari Ilmu Fawasil

1. Husni al-Madud fii Makrifah Funu al-‘Adad – Abi Ishak al-Ja’bari
2. Bayan ‘adad kalimat as-Suar wa Hurufiha – Abdul Wahid bin Shaitho (450H)

### Sumber dari Tajwid

1. Kitab an-Nasyr – Imam Ibn al-Jazari
2. Ar-Ri’ayah li Makki bin Abi Tolib (437H)

### Sumber dari Muqoddimah Kitab

1. Fathu al-Bari syarah Sohih Bukhori – Ibn Hajar al-Asqolani
2. Al-Itqan fii Ulum al-Quran – as-Suyuthi
3. Tafsir Lathoifu al-Isyarat li al-Qusyairi

## SEBAB PENULIS MENGARANG KITAB

Imam al-Qostollani turut menukikan di dalam kitab ini berkenaan sebab beliau mengarangnya. Sebab utama beliau mengarang kitab ini adalah kerana kecintaan beliau terhadap ilmu Qiraat sejak kecil kerana ilmu Qiraat adalah ilmu terawal yang dipelajari beliau. Selain itu, kebersediaan dari kecil dan daya pemikiran beliau membantu beliau untuk menghimpunkan perbincangan ilmu Qiraat ini, tertib penyusunannya dan penjelasan mengenai ilmu Qiraat. Beliau turut menulis kitab ini kerana penggumpulan ilmu di sisinya, penulisan-penulisan yang lain, pengalaman beliau yang banyak dan berkualiti bersama penulis kitab ilmu Qiraat, penelitian masalah serta pengumpulan ilmu-ilmu Qiraat ke dalam sebuah kitab. Penulisan beliau ini



menggabungkan semua disiplin ilmu Qiraat bahkan pembelajaran al-Quran dan ilmu-ilmu al-Quran yang lain (Al-Qostollani T.t).

## ZAMAN PENULISAN

Sheikh al-Qosollani menulis kitab ini dalam satu waktu yang panjang dan terbahagi kepada beberapa fasa.

Fasa pertama ;

Ini adalah fasa penulis mengumpulkan bahan-bahan ilmiah. Fasa ini berlanjutan sehingga tahun 900H. Antara lain, ia melibatkan pengajaran kitab kepada pelajar dan membacakannya kepada mereka.

Fasa kedua ;

Fasa ini melibatkan proses pemutihan kitab atau penapisan kitab dari penambahan bahan yang tidak diperlukan. Fasa ini berlanjutan sehingga bulan Syaaban tahun 901H.

Fasa ketiga ;

Fasa ini adalah fasa terakhir penulisan kitab. Fasa ini melibatkan penyalinan nuskah penulis yang ditulis ketika hidupnya. Penulisan ini juga dibaca oleh Sheikh Zakaria al-Ansori dan disiapkan sepenuhnya pada bulan Syaaban tahun 914H.

## CETAKAN KITAB

Kitab keluaran pertama adalah kitab yang tidak sempurna dan berlandaskan lembaran kertas serta ditulis dengan tulisan tangan. Kemudian dicetak kitab yang mempunyai penjilidan pada tahun 1973 M oleh Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam di Kaherah dan ditahqiq oleh Dr. Abdul Sobur Syahin dan Sheikh Amir Utsman rahimahallah.

## KESIMPULAN

Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakar al-Qostollani dan karya beliau Kitab Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat telah membuka dimensi baru sejarah ilmu Qiraat. Oleh itu, karya ini merupakan sumbangan yang mempunyai nilai yang sangat tinggi bagi perkembangan ilmu Qiraat di seluruh dunia. Analisis ini mendapati bahawa melalui karya Sheikh Ahmad bin Muhammad al-Qostollani ini telah memberi sumbangan dengan memperhalusi khilaf pada wajah-wajah Qiraat dan peranan khilaf tersebut di dalam penafsiran al-Quran. Oleh itu, sumbangan beliau ini menjadi antara rujukan utama ilmuwan yang memerlukan kefahaman berkenaan ilmu kesenian Qiraat dengan lebih terperinci.



## RUJUKAN

Ahmad bin Muhammad bin Abu Bakar al-Qostollani. T.t *Kitab Lathoifu al-Isyarat Lifununi al-Qiraat*. Ditahqiq oleh Dr. Abdul Sobur Syahin dan Sheikh Amir Utsman (1973). Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Kaherah. Maktabah Aulad Sheikh li at-Thurath.

Ibn al-Imad al-Hanbali. T.t *Syazrat az-Zahab*. Ditahqiq oleh Sheikh Abdul Qodir Arnaaud (1995). Dar Ibn Kathir, Damsyik

Ismail Basha al-Baghdadi. 1955. *Hidayatul Arifin*. Dar Ihya Turath Arabi, Beirut

Yusuf Ilyan. 1988. *Mu'jam al-Matbu'at*. Maktabah Ayatollah Mar'asyi

Walid az-Zubiri. 2003. *Al-Mausu'ah al-Muyassarah fii Tarajim Aimmata at-Tafsir wa al-Iqra*. Maktabah Lisanu Arab

Uthman bin Sa`id al-Dani. 1987. *al-Ahruf al-Sab`ah*, Mekah: Maktabah al-Manarah

Shamsuddin as-Sakhowi. T.t. *Ad-Dhuk al-Lami'*. Maktabah Lubnan, Beirut, Lubnan

Muhammad Muhammad Salim Muhsin. 1982. *Al-Irsyadat fi al-Qiraat as-Sabi' min Thariq as-Syatibiyah*. Kaherah: irah al-Ammad lil Maahad al-Azhariyyah

Muhammad Rasyid Raghib Qabbani. 1999. *At-Tibyan fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin*. Beirut: Dar al-Maadrifah

Muhammad Salim Muhsin. 1999. *Fi Rihab al-Quran*. Beirut: Dar al-Jil

Subhi Salih. 1990. *Mahabith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ilm